

R B664 AAB  
MAHATHIR - URUSNIAGA

I

KUALA LUMPUR, 5 NOV (BERNAMA) -- URUSNIAGA RINGGIT MALAYSIA OLEH BANK NEGARA DI LONDON BUKAN BERTUJUAN Mencari Keuntungan tetapi bagi menstabilkan Ringgit Malaysia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, urusniaga oleh bank pusat itu untuk melindungi Ringgit Malaysia setelah ia mengalami kerugian berikutan penilaian semula dan penurunan nilai mata wang asing.

+Kita sedang menstabilkan mata wang kita. Apabila mereka melakukan sesuatu, ia selalunya betul. Kini mereka telah menubuhkan kartel bank-bank. Kita sedang berusaha untuk melindungi mata wang kita,+ katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan dasar pada Kongres Pengiklanan Asia ke-17, di sini.

Perdana Menteri berkata: +Kita telah kerugian banyak wang sebelum ini. Apabila mereka menilai semula mata wang mereka seperti Yen, kita kerugian banyak wang kerana kita meminjam Yen. Apabila mereka menurunkan mata wang mereka, kita juga kerugian wang+.

+Jadi, apa salahnya dengan langkah kita melindungi kepentingan kita. Mengapa pula mereka boleh melindungi kepentingan mereka dan kita tidak boleh (berbuat demikian). Saya tidak faham,+ tambah beliau. -- Lagi.

1543MST 05 11 90

R B668 AAB  
MAHATHIR - URUSNIAGA 2 KUALA LUMPUR

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar yang mengatakan bahawa langkah Bank Negara menjalankan urusniaga secara agresif untuk mencari keuntungan berikutan penyertaan Britain dalam Lembaga Kadar Pertukaran (ERM) boleh menjejaskan hubungan diplomatik antara Britain dan Malaysia.

Menurut laporan itu, Bank Negara merupakan penggerak utama kepada bank-bank di London untuk menubuhkan kartel berkesan dalam pasaran pertukaran mata wang asing, yang kini disiasat oleh pejabat perdagangan adil.

Laporan itu berkata selepas kemasukan ERM itu, Bank Negara mendapati Sterling telah melambung berbanding dengan Dollar, dan pada 21 Sept, ia mencairkan kedudukannya dan beberapa buah bank yang memegang Pound Sterling, termasuk bank-bank penjelasan British, terjebak dalam kerugian besar. -- Bernama.

1552MST 05 11 90

U B722 AAB  
MAHATHIR - URUSNIAGA 2 KUALA LUMPUR (ULANGAN - MEMBETULKAN PARA  
SATU DAN DUA)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENGULAS LAPORAN  
AKHBAR BRITISH YANG MENGATAKAN BAHAWA LANGKAH BANK NEGARA  
MENJALANKAN URUSNIAGA SECARA AGRESIF UNTUK Mencari KEUNTUNGAN  
BERIKUTAN PENYERTAAN BRITAIN DALAM LEMBAGA KADAR PERTUKARAN (ERM)  
BOLEH MENJEJASKAN HUBUNGAN DIPLOMATIK ANTARA BRITAIN DAN MALAYSIA.  
MENURUT LAPORAN AKHBAR ITU, BANK NEGARA MERUPAKAN PENGGERAK  
UTAMA KEPADA BANK-BANK DI LONDON UNTUK MENUBUHKAN KARTEL BERKESAN  
DALAM PASARAN PERTUKARAN MATA WANG ASING, YANG KINI DISIASAT OLEH  
PEJABAT PERDAGANGAN SECARA ADIL BRITAIN.

LAPORAN ITU BERKATA SELEPAS KEMASUKAN ERM ITU, BANK NEGARA  
MENDAPATI STERLING TELAH MELAMBUNG BERBANDING DENGAN DOLLAR, DAN  
PADA 21 SEPT, IA MENCAIRKAN KEDUDUKANNYA DAN BEBERAPA BUAH BANK YANG  
MEMEGANG POUND STERLING, TERMASUK BANK-BANK PENJELASAN BRITISH,  
TERJEBAK DALAM KERUGIAN BESAR. -- BERNAMA.  
1824MST 05 11 90